

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	06 DECEMBER 2016

DAP hanya perkudakan bekas Perdana Menteri

BH-6/12/2016

Kuala Lumpur: Tindakan DAP mengheret Tun Dr Mahathir Mohamad ke Persidangan Tahunan parti itu dengan menjemputnya berucap membela mereka adalah kejayaan besar dalam memperkudakan bekas Perdana Menteri itu.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, berkata Dr Mahathir pula sanggup diperkudakan DAP untuk menjadikan pentas itu sebagai tempat bagi menjawab serangan Datuk Seri Najib Razak kepadanya.

Katanya, Perdana Menteri da-

lam ucapan penggulungannya pada Perhimpunan Agung UMNO 2016 menyatakan bahawa UMNO sekarang ini berlawan dengan Pakatan Harapan yang diketuai DAP bukannya Dr Mahathir.

Ambil kesempatan

“Kini, jelas sekali Lim Kit Siang adalah ‘Ketua De Facto Pembangkang’ bukannya Mahathir,” katanya dalam catatan terbaru di akaun Facebooknya.

Kelmarin, Mahathir yang menghadiri persidangan kebangsaan parti itu bukan sahaja memuji DAP

malah mengambil kesempatan memburuk-burukkan UMNO dan MCA.

Mohd Puad berkata, Mahathir terpaksa buat-buat lupa untuk menghalalkan strateginya menjanamkan UMNO.

“Dr Mahathir tidak peduli semua itu asalkan UMNO musnah dan lebur pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14). Dendam kesumat Dr Mahathir terhadap Najib kerana tidak membantu (Datuk Seri) Mukhriz menang Naib Presiden UMNO tidak lagi boleh dibendung selain isu jambatan bengkak dan isu

Proton,” katanya.

Sanggup bersekutu

Sementara itu, seorang lagi Ahli MT UMNO, Datuk Sohaimi Shahadan, berkata Mahathir kini berada dalam kecelaruan perjuangannya sehingga sanggup bersekutu dengan DAP dan memuji parti itu.

Katanya, bekas Perdana Menteri itu nampak sangat sudah terdesak untuk mempergunakan DAP bagi menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak.

“Dr Mahathir sanggup membuat

kenyataan mengakui salah faham terhadap DAP hanya kerana mahu mendapatkan sokongan DAP bagi melancarkan cita-citanya mahu menyingkirkan Perdana Menteri,” katanya.

Justeru, beliau mengajak rakyat tidak bersama pemimpin yang keliru seperti Dr Mahathir.

“Mengapa perlu kita sokong pemimpin seperti ini? Jelas cakap tidak serupa bikin. Dulu benar-benar menolak DAP, kini menyokong parti itu hanya kerana Najib mengumumkan UMNO kini berlawan dengan DAP,” katanya